



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



# BUKU PANDUAN PELAJAR TERAPI KECANTIKAN & SPA

Kolej Komuniti Batu Gajah



# ISI KANDUNGAN

## PERKARA

PENGENALAN.....	4
MISI DAN VISI.....	6
PIAGAM PELANGGAN.....	7
STAF AKADEMIK.....	8
STAF BUKAN AKADEMIK.....	10
FASILITI.....	11
MAKLUMAT PROGRAM.....	19
LATAR BELAKANG PROGRAM.....	20
SINOPSIS PROGRAM.....	21
PROSPEK KERJA.....	22
OBJEKTIF PROGRAM PENGAJIAN.....	23
HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM.....	24
STRUKTUR PROGRAM.....	25
INFORMASI KURSUS WAJIB.....	28
INFORMASI KURSUS TERAS DISIPLIN.....	35
INFORMASI KURSUS LATIHAN INDUSTRI.....	50
KEJAYAAN PELAJAR.....	51
AKTIVITI PELAJAR.....	52
LAIN-LAIN AKTIVITI PELAJAR .....	62
PENGHARGAAN .....	63



# **CORETAN PENGARAH**

**Assalamualaikum w.b.t**

Syukur kepada Allah s.w.t dengan limpah kurniaNya Buku Panduan Pelajar ini Berjaya dihasilkan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Kolej Komuniti Batu Gajah sama ada secara langsung maupun tidak langsung.

Buku Panduan Pelajar ini dibangunkan untuk membantu pelajar mengetahui segala informasi berkaitan Kolej terutamanya yang berkaitan dengan akademik dan pentadbiran. Namun, untuk penjelasan lebih lanjut mengenai prosedur atau garis panduan, pelajar perlu merujuk kepada unit-unit tertentu atau ke Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk mematuhi semua prosedur & Garis panduan yang dinyatakan didalam Buku Panduan Pelajar ini.

Semoga dengan penghasilan Buku Panduan Pelajar ini bukan sahaja memberi manfaat kepada para pelajar Kolej Komuniti Batu Gajah tetapi ia juga bermanfaat kepada pengguna-pengguna lain yang ingin mengetahui sistem, kemudahan dan informasi-informasi berkenaan Kolej Komuniti Batu Gajah.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih diatas komitmen yang tinggi kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kolej Komuniti Batu Gajah yang terlibat dalam menghasilkan Buku Panduan Pelajar ini



**MOHD FADZIL BIN IBRAHIM**  
**PENGARAH**  
**KOLEJ KOMUNITI BATU GAJAH**  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

# PENGENALAN



Kolej Komuniti Batu Gajah  
Jalan Bandar Baharu 2,  
Pusat Bandar Baru,  
31000 Batu Gajah, Perak



05-3651966



05-3651979

[webmasterkkbtg@kktgajah.edu.my](mailto:webmasterkkbtg@kktgajah.edu.my)

Kolej Komuniti Batu Gajah (KK Batu Gajah) merupakan sebuah institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). KK Batu Gajah ditubuhkan untuk memberi peluang pendidikan dan latihan khusus kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). KK Batu Gajah ditubuhkan untuk memenuhi kehendak sosial dan keperluan tenaga manusia selaras dengan dasar kerajaan untuk melahirkan lebih ramai golongan pekerja mahir.

Bagi golongan setempat pula kolej ini berperanan memberi pendedahan kepada mereka dengan kursus-kursus pendek yang ditawarkan. Lulusan Kolej Komuniti berpeluang mengisi keperluan tenaga kerja industri dalam bidang-bidang kemahiran yang berkaitan atau menjadi usahawan.

Program yang ditawarkan di KK Batu Gajah adalah Sijil Fesyen & Pakaian dan Sijil Terapi Kecantikan & SPA.

# TANGGUNGJAWAB KOLEJ

1

Untuk melayani dan memberi kepada pelajar pendidikan yang menyeluruh.

2

Untuk melindungi semua maklumat peribadi, dokumen dan maklumat peribadi pelajar yang lain dan maklumat ibu bapa / penjaga pelajar di kolej. Maklumat tersebut semestinya mempunyai kerahsiaan dalam dan luar kolej setiap masa. Walaubagaimanapun, kolej berhak untuk mengungkapkan perincianatau bahagiannya kepada pihak berkuasa pemerintah yang diluluskan atas permintaan mereka dan mematuhi undang-undang.

3

Untuk mencari peningkatan berterusan dan menetapkan standard pendidikan dan perkhidmatan yang tinggi.

4

Untuk menangani aduan dengan segera.



# **VISI**

Menjadi peneraju institusi TVET yang unggul

# **MISI**

**1**

Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf

**2**

Memperkasa komuniti melalui Pembelajaran Sepanjang Hayat

**3**

Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang

**4**

Manfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan

## **Matlamat organisasi**

Menghasilkan graduan TVET yang holistik dan kompeten serta berkemampuan menyumbang kepada pembangunan negara

## **Matlamat Pendidikan**

Mengukuhkan kerelevan dan keresponsifan program pengajian di institusi untuk memenuhi keperluan industri serta melahirkan warga sejagat ke arah keharmonian serta kemakmuran global.

# **Piagam Pelanggan**

Kolej Komuniti Batu Gajah beriltizam untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti, beretika, profesional, cekap dan mesra dengan memastikan :

- Menyediakan program pengajian yang mendapat akreditasi daripada MQA atau badan-badan profesional yang berkaitan.
- Memproses pengambilan pelajar ke Kolej Komuniti Batu Gajah mengikut syarat dan kriteria yang ditetapkan serta maklumkan keputusan kemasukan dalam DUA PULUH (20) hari bekerja selepas tutup permohonan.
- Melaksanakan bayaran bantuan kewangan dalam tempoh TIGA PULUH (30) hari bekerja selepas keputusan diumumkan kepada pelajar yang layak.
- Memaklumkan keputusan peperiksaan dalam tempoh EMPAT BELAS (14) hari bekerja selepas semester pengajian berakhir.



# Carta Organisasi Staf Akademik

## CARTA ORGANISASI UNIT AKADEMIK



Tarikh dikemaskini : 1 JANUARI 2023

## CARTA ORGANISASI UNIT TERAPI KECANTIKAN DAN SPA (STK)



Tarikh dikemaskini : 1 JANUARI 2023

# Carta Organisasi Staf Akademik

## CARTA ORGANISASI UNIT PENGAJIAN AM (UPA)



PENGARAH  
EN. MOHD FADZIL BIN IBRAHIM  
(DH48)

TIMBALAN PENGARAH AKADEMIK  
PN. YM RAJA NUR AZMIRA BINTI RAJA IBRAHIM  
(DH44)

KETUA UNIT  
EN. MOHD NORHAIRY BIN MOHD YUSOFF  
(DH48)

PENSYARAH  
EN. ZAMARUZAMAN BIN MOHAMMAD  
(DH48)

PENSYARAH  
EN. MOHD RIZAL BIN ARIS  
(DH48)

PENSYARAH  
PN. SITI DALIA BINTI MUHAMAD  
(DH44)

Tarikh dikemaskini : 1 JANUARI 2023

## CARTA ORGANISASI UNIT PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN



PEGAWAI PEPERIKSAAN  
PN. NOR FARAZILLAWATI BINTI IDRIS  
(DH41)

PENYELARAS PEPERIKSAAN (SFP)  
PN. NURBAISSA AISAR BINTI ZULKIFLEE  
(DH44)


PENYELARAS PEPERIKSAAN (STK)  
PN. ASSYIKIN BINTI ABDUL RAHMAN  
(DH29)

PENYELARAS PEPERIKSAAN (UPA)  
PN. SITI DALIA BINTI MUHAMAD  
(DH44)

# Carta Organisasi

## Staf Bukan Akademik

### CARTA ORGANISASI UNIT PENGURUSAN



# FASILITI

## LOBI













## Makmal Komputer



# Perpustakaan

fasiliti



# Perpustakaan

fasiliti



# MAKLUMAT PROGRAM

Bahasa Pengantar :  
Bahasa Melayu

Mod Pengajian :  
Sepenuh Masa

Syarat Kemasukan Lulus :  
Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

Tempoh Pensijilan :  
Minimum (5 semester)  
Maksimum (10 semester)

Minggu Pembelajaran & Pengajaran :  
14 minggu per semester  
(tidak termasuk cuti semester)

Latihan Industri :  
16 Minggu - 8 Kredit (Semester Akhir)

Jumlah Kredit Graduat :  
60 kredit



# LATAR BELAKANG PROGRAM

Sijil Terapi Kecantikan dan Spa memberikan pelajar pengetahuan dan kemahiran asas di dalam bidang terapi kecantikan dan juga perkhidmatan spa. Pada masa kini, perkembangan ekonomi yang pesat di dalam pelbagai bidang telah menyumbang kepada permintaan tenaga kerja yang berkemahiran dan berkebolehan dalam pelbagai tugas.

Program Sijil Terapi Kecantikan dan Spa ingin menghasilkan pelajar yang memenuhi kehendak industri di dalam bidang ini. Pelajar didedahkan kepada kemahiran pelbagai disiplin agar kompeten dalam penggunaan peralatan yang digunakan bagi perkhidmatan seperti *body massage, hand and foot treatment, face treatment, body treatment* serta *water therapy*.

Selain itu, pelajar juga akan mempelajari asas pengetahuan dan kemahiran bagi *facial treatment, manicure and pedicure, waxing treatment*, dan juga *makeup procedure*.

Pelajar turut didedahkan dengan asas penampilan diri dan asas mengendalikan perkhidmatan pelanggan supaya dapat membentuk pelajar menjadi seorang Juruterapi Kecantikan dan Spa yang professional.



# SINOPSIS PROGRAM

Program ini direkabentuk dengan mensasarkan kepada mereka yang berminat untuk bekerja di dalam industri kecantikan dan spa. Program yang memfokuskan kemahiran ini adalah bagi menghasilkan pelajar yang kompeten dalam melaksanakan perkhidmatan kecantikan dan spa.

Kursus teras disiplin yang ditawarkan dalam program ini antaranya *Anatomy and Physiology, Introduction to Makeup, Beauty Treatment, Manicure and Pedicure Treatment, Basic Makeup, Swedish Massage, Facial Treatment, Advance Makeup, Waxing, Body Therapy* dan Urutan Malaysia.

Kursus Penampilan Diri, *Customer Services* serta kursus wajib seperti *Communication English* dan *Workplace English* juga ditawarkan bagi meningkatkan potensi diri pelajar agar lebih cekap, tangkas dan mampu berdaya saing dalam melaksanakan tugas.



# PROSPEK KERJA

Program ini menyediakan pengetahuan dan kemahiran di dalam bidang Terapi Kecantikan dan Spa yang mana ia boleh diimplementasikan bagi kerjaya di dalam kedua-dua cabang bidang ini. Pengetahuan dan kemahiran di dalam bidang ini, membolehkan pelajar memulakan kerjaya seperti berikut:





## **OBJEKTIF PROGRAM / PROGRAMME EDUCATIONAL OBJECTIVE (PEO)**

# **SIJIL TERAPI KECANTIKAN DAN SPA**

Selepas beberapa tahun bergraduat dari Program Sijil Terapi Kecantikan dan Spa, graduan berupaya :

- OP1 : Mengaplikasikan teori, kemahiran numerasi dan menyelesaikan masalah yang berkaitan bidang terapi kecantikan dan spa.
- OP2 : Mengamalkan kemahiran teknikal dan teknologi digital dalam bidang Terapi Kecantikan dan Spa.
- OP3 : Menzahirkan kemahiran interpersonal dan boleh berkomunikasi secara efektif dalam menyampaikan perkhidmatan
- OP4 : Mengamalkan kemahiran minda keusahawanan, kepimpinan, bertanggungjawab dan pembangunan kerjaya serta berkeupayaan untuk mematuhi etika kerja professional dalam menyampaikan perkhidmatan.

## PROGRAMME LEARNING OUTCOMES(PLO)/HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM (HPP)

# SIJIL TERAPI KECANTIKAN DAN SPA

HPP1 : Membincangkan pengetahuan asas berdasarkan teori, konsep dan prinsip dalam terapi kecantikan dan spa

HPP2 : Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran untuk menyelesaikan masalah berkaitan terapi kecantikan dan spa

HPP3 : Mempamerkan kemahiran teknikal dan teknologi digital dalam bidang Terapi Kecantikan dan Spa

HPP4 : mengaplikasi kemahiran numerasi berkaitan bidang Terapi Kecantikan dan Spa

HPP5 : Mengamalkan kemahiran interpersonal dan komunikasi secara berkesan dengan rakan sekerja, pelanggan dan majikan ketika menyampaikan perkhidmatan

HPP6 : Menunjukkan kepimpinan kepada rakan sekerja dan tanggungjawab kepada pelanggan dan majikan ketika menyampaikan perkhidmatan

HPP7 : Mempamerkan kesungguhan bagi meningkatkan pembelajaran kendiri dan minda keusahawanan dalam menyampaikan perkhidmatan

HPP8 : Membudayakan etika kerja dan profesionalisme ketika menyampaikan perkhidmatan



## STRUKTUR PROGRAM

### semester 1

KLASIFIKASI	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	KREDIT
Wajib	SBC10012	Aplikasi Komputer	2
	SUE10011	<i>Communicative English</i>	1
	MPU11012	Pengajian Malaysia	2
Teras Disiplin	STK10012	Penampilan Diri	2
	STK10022	<i>Customer Services</i>	2
	STK10033	<i>Spa Hygiene and Safety</i>	3
	STK10043	<i>Introduction to Makeup</i>	3
	STK10053	<i>Introduction to Spa Concept</i>	3
Jumlah			18

## **STRUKTUR PROGRAM**

### **semester 2**

KLASIFIKASI	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	KREDIT
Wajib	SUE20021	<i>Workplace English</i>	1
	MPU13012	Pendidikan Islam	2
	MPU13022	Pendidikan Moral	
Teras Disiplin	STK20062	<i>Anatomy and Physiology</i>	2
	STK20073	<i>Beauty Treatment</i>	3
	STK20083	<i>Manicure and Pedicure Treatment</i>	3
	STK20093	<i>Basic Makeup</i>	3
	STK20103	<i>Swedish Massage</i>	3
Jumlah			17

## STRUKTUR PROGRAM

### semester 3

KLASIFIKASI	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	KREDIT
Wajib	MPU12012	Keusahawanan	2
Teras Disiplin	STK30113	<i>Facial Treatment</i>	3
	STK30123	<i>Advance Makeup</i>	3
	STK30133	<i>Waxing</i>	3
	STK30143	<i>Body Therapy</i>	3
	STK30153	Urutan Malaysia	3
Jumlah			17

### semester 4

KLASIFIKASI	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	KREDIT
Latihan Industri	SUT40038	Latihan Industri (LI)	8
Jumlah			8
Jumlah Keseluruhan			60

# INFORMASI KURSUS WAJIB

NAMA KURSUS	APLIKASI KOMPUTER
KOD KURSUS	SBC10012
SEMESTER DAN TAHUN DITAWARKAN	Semester 1 / Tahun 1
NILAI KREDIT	2
PRASYARAT (JIKA BERKENAAN)	Tiada

## SINOPSIS

Aplikasi Komputer memberi pendedahan tentang pengetahuan aplikasi komputer dan mempraktikkan penggunaan perisian aplikasi yang sesuai dan tertib bagi melaksanakan dokumentasi dan tugas-tugas kehidupan harian. Pelajar akan diajar kaedah yang betul untuk menggunakan perisian yang tentu bagi membina asas penggunaan perisian aplikasi komputer. Pelajar juga akan didedahkan kepada persekitaran perisian atas talian dalam melaksanakan dokumentasi harian.

## HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK) / COURSE LEARNING OUTCOME (CLO)

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

CLO1 : Menunjukkan kebolehan menggunakan perisian aplikasi komputer bagi menghasilkan dokumen dalam melaksanakan dokumentasi harian. (C1 ,CLS3c)

CLO2 : Menerangkan cara penggunaan perisian aplikasi komputer untuk memproses dan menggunakan maklumat dalam melaksanakan tugas-tugas kehidupan harian. (C2 ,CLS4)

CLO3 : Mempamerkan kemahiran menggunakan perisian aplikasi komputer dalam melaksanakan dokumentasi harian. (P2 ,CLS3c)

# INFORMASI KURSUS WAJIB

NAME OF COURSE	COMMUNICATIVE ENGLISH
COURSE CODE	SUE10011
SEMESTER AND YEAR OFFERED	Semester 1 / Year 1
CREDIT VALUE	1
PREREQUISITE/CO-REQUISITE (IF ANY)	NONE

## SYNOPSIS

*This course is aimed at developing and improving students' English language competence and confidence to communicate basic personal and non-personal information as well as perform various basic social interactions. Additionally, it is expected that students will also improve their linguistic and non-linguistic competences. Finally, it is hoped that students will be able to function as a basic user of English language at between CEFR A1 to A2 levels.*

## HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK) / COURSE LEARNING OUTCOME (CLO)

*Upon completion of this course, students should be able to:*

*CLO1 : Participate in exchanges about familiar topics effectively (A2, CLS3b)*

*CLO2 : Perform basic social interactions effectively (A2, CLS3b)*

# INFORMASI KURSUS WAJIB

NAMA KURSUS	PENGAJIAN MALAYSIA
KOD KURSUS	MPU11012
SEMESTER DAN TAHUN DITAWARKAN	Semester 1 / Tahun 1
NILAI KREDIT	2
PRASYARAT (JIKA BERKENAAN)	Tiada

## SINOPSIS

PENGAJIAN MALAYSIA memperkenalkan kepada pelajar tentang sejarah negara, sistem politik, pembinaan negara bangsa dan kedudukan Islam dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Kursus ini adalah bertujuan untuk melahirkan graduan yang mempunyai identiti kebangsaan dan semangat patriotisme yang unggul.

## HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK) / COURSE LEARNING OUTCOME (CLO)

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

HPK1 : Membincangkan kesedaran terhadap kepentingan identiti kebangsaan ke arah mengukuhkan semangat patriotisme ( A2 , CLS 5 )

HPK2 : Menyedari sikap dan tanggungjawab yang signifikan terhadap sistem politik dan pembinaan negara bangsa. ( A1 , CLS 3b )

HPK3 : Mengamalkan sikap yang positif terhadap proses pembinaan hubungan dan interaksi sosial yang baik dalam masyarakat ( A2 , CLS 3d )

# INFORMASI KURSUS WAJIB

NAME OF COURSE	COMMUNICATIVE ENGLISH
COURSE CODE	SUE20021
SEMESTER AND YEAR OFFERED	Semester 2 / Year 1
CREDIT VALUE	1
PREREQUISITE/CO-REQUISITE (IF ANY)	NONE

## SYNOPSIS

*This course is aimed at developing and improving students' English language competence and confidence to communicate and conduct social transactions in workplace contexts as well as perform familiar job procedures effectively. Additionally, it is expected that students will improve their linguistic and nonlinguistic competences. Finally, it is hoped that students will be able to function as an independent user of English language at between CEFR A1 to A2 levels.*

## HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK) / COURSE LEARNING OUTCOME (CLO)

*Upon completion of this course, students should be able to:*

*CLO1 : Participate in basic workplace communication effectively  
( A2 , CLS 3b )*

*CLO2 : Perform familiar job procedures effectively ( A2 , CLS 3b )*

# **INFORMASI KURSUS WAJIB**

NAMA KURSUS	PENDIDIKAN ISLAM
KOD KURSUS	MPU13012
SEMESTER DAN TAHUN DITAWARKAN	Semester 2 / Tahun 1
NILAI KREDIT	2
PRASYARAT (JIKA BERKENAAN)	Tiada

## **SINOPSIS**

PENDIDIKAN ISLAM disediakan untuk melahirkan warganegara yang faham tasawwur (konsep) Islam sebagai satu cara hidup yang bersepadu dan seimbang serta berupaya menghadapi pelbagai masalah dan cabaran. Perbincangan kursus ini berasaskan kepada konsep-konsep asas Islam, Islam sebagai cara hidup, institusi Islam dan cabaran semasa.

## **HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK) / COURSE LEARNING OUTCOME (CLO)**

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

HPK1 : Menunjukkan dengan yakin amalan Islam dalam kehidupan seharian seorang muslim.(A1, CLS3d)

HPK2 : Membentangkan etika dan profesionalisme dalam institusi keluarga ke arah pembentukan ummah yang mapan.(A2, CLS5)

HPK3 : Membincangkan inisiatif yang signifikan dalam mendepani cabaran semasa masyarakat Islam di Malaysia. (A2, CLS4)

# INFORMASI KURSUS WAJIB

NAMA KURSUS	PENDIDIKAN MORAL
KOD KURSUS	MPU13022
SEMESTER DAN TAHUN DITAWARKAN	Semester 2 / Tahun 1
NILAI KREDIT	2
PRASYARAT (JIKA BERKENAAN)	Tiada

## SINOPSIS

PENDIDIKAN MORAL menekankan aspek kerohanian, kemanusiaan dan kemasyarakatan. Tumpuan khusus akan diberikan dalam aspek pemupukan, penghayatan dan amalan nilai, moral etika dalam agama tradisi dan adat resam pelbagai kaum di Malaysia sejajar dengan nilai murni sejagat. Pemupukan dan penghayatan modul ini akan menyumbang kepada pembentukan insan mulia dan bertanggungjawab selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara.

## HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK) / COURSE LEARNING OUTCOME (CLO)

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

HPK1 : Menghuraikan konsep moral, nilai, etika dan integriti dalam konteks kehidupan ( A1 , CLS 3d )

HPK2 : Membincangkan kepelbagaian kaum dan budaya serta isu-isu moral masyarakat di Malaysia ( A2 , CLS 5 )

HPK3 : Membentangkan inisiatif yang signifikan dalam mendepani isu-isu moral masyarakat Malaysia ( A2 , CLS 4 )

# **INFORMASI KURSUS WAJIB**

NAMA KURSUS	KEUSAHAWANAN
KOD KURSUS	MPU12012
SEMESTER DAN TAHUN DITAWARKAN	Semester 3 / Tahun 2
NILAI KREDIT	2
PRASYARAT (JIKA BERKENAAN)	Tiada

## **SINOPSIS**

KEUSAHAWANAN ini dibangunkan bertujuan untuk memberi pendedahan asas keusahawanan kepada semua pelajar. Pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi ini dapat membantu pelajar menceburi bidang keusahawanan setelah menamatkan bidang pengajian.

## **HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK) / COURSE LEARNING OUTCOME (CLO)**

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

HPK1 : Menerangkan nilai-nilai keusahawanan dalam dunia perniagaan. (A1, CLS3b)

HPK2 : Mengambil bahagian dalam simulasi perniagaan secara offline dan online melalui campuran pemasaran.(A2, CLS4)

HPK3 : Melaporkan pengiraan Untung Rugi dari perniagaan yang telah dijalankan secara berkesan. (A2, CLS3c)

# INFORMASI KURSUS TERAS DISIPLIN

NAMA KURSUS	PENAMPILAN DIRI
KOD KURSUS	STK10012
SEMESTER DAN TAHUN DITAWARKAN	Semester 1 / Tahun 1
NILAI KREDIT	2
PRASYARAT (JIKA BERKENAAN)	Tiada

## SINOPSIS

Kursus Penampilan Diri ini dibina untuk meningkatkan pengetahuan pelajar dalam memantapkan tatacara penampilan diri secara efisien, serta meningkatkan personaliti diri yang baik dengan kemahiran komunikasi yang jelas. Keterampilan diri dan personaliti yang menarik merupakan aset bernilai kepada seseorang. Personaliti bukan sahaja merujuk kepada cara berpakaian, paras rupa atau keadaan fizikal seseorang. Melalui kursus ini, pelajar akan didedahkan dengan ilmu, kemahiran, panduan dan membolehkan kemajuan kepada pelajar dalam memantapkan keterampilan diri serta personaliti di alam pekerjaan. Kursus ini ditawarkan dalam semester pertama bagi membina asas pengenalan dalam penampilan diri yang membolehkan pelajar mempraktikkan dalam kursus seterusnya.

## HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK) / COURSE LEARNING OUTCOME (CLO)

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

HPK1 : Menjelaskan asas penampilan diri seorang juruterapi kecantikan dan spa yang profesional ( C2 , HPP 1 )

HPK2 : Melaksanakan etika penampilan diri seorang juruterapi bagi peningkatan kendiri dalam bidang terapi kecantikan dan spa ( A2 , HPP 7 )

# INFORMASI KURSUS TERAS DISIPLIN

NAMA KURSUS	<i>CUSTOMER SERVICES</i>
KOD KURSUS	STK10022
SEMESTER DAN TAHUN DITAWARKAN	Semester 1 / Tahun 1
NILAI KREDIT	2
PRASYARAT (JIKA BERKENAAN)	Tiada

## SINOPSIS

Kursus *Customer Services* ini dibina untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman pelajar dalam berkomunikasi semasa pengajian atau ketika di alam pekerjaan. Komunikasi tidak sahaja berlaku melalui percakapan tetapi juga ketika mendengar, membaca, menulis dan gerak badan. Semuanya memerlukan kemahiran yang boleh dipelajari. Melalui kursus ini, ia juga dapat membantu meningkatkan keyakinan diri pelajar dalam berkomunikasi bersama pelanggan. Kursus ini ditawarkan dalam semester pertama bagi membina asas pengenalan dalam *Customer Services* yang membolehkan pelajar mempraktikkan dalam kursus seterusnya.

## HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK) / COURSE LEARNING OUTCOME (CLO)

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

HPK1 : Menyatakan asas komunikasi dalam melaksanakan prosedur khidmat pelanggan ( C2 , HPP 1 )

HPK2 : Melaksanakan kaedah komunikasi yang bersesuaian bagi mengumpul maklumat dan memberi maklumbalas pelanggan ( A2 , HPP 5 )

# INFORMASI KURSUS TERAS DISIPLIN

NAMA KURSUS	SPA HYGIENE AND SAFETY
KOD KURSUS	STK 10033
SEMESTER DAN TAHUN DITAWARKAN	Semester 1 / Tahun 1
NILAI KREDIT	3
PRASYARAT (JIKA BERKENAAN)	Tiada

## SINOPSIS

*Spa Hygiene And Safety* memberi pendedahan kepada pelajar tentang kebersihan dan keselamatan seorang Juruterapi Kecantikan dan Spa dalam melaksanakan rawatan. Kursus ini memberi kefahaman tentang kebersihan dan keselamatan adalah fisiologi yang berkaitan dengan pencegahan penyakit, pemeliharaan, peningkatan kesihatan serta keselamatan diri juruterapi dan pelanggan.

## HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK) / COURSE LEARNING OUTCOME (CLO)

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

HPK1 : Menyatakan asas kebersihan dan keselamatan juruterapi kecantikan dan spa dalam melaksanakan prosedur kerja yang berkesan (C2, HPP1)

HPK2 : Melaksanakan prinsip etika seorang juruterapi bagi aspek kebersihan dan keselamatan diri dan spa. (A2, HPP8)

HPK3 : Menunjukkan cara amalan terbaik kebersihan dan keselamatan diri membentuk imej profesional seorang (A3, HPP5)

# INFORMASI KURSUS TERAS DISIPLIN

NAMA KURSUS	<i>INTRODUCTION TO MAKEUP</i>
KOD KURSUS	STK10043
SEMESTER DAN TAHUN DITAWARKAN	Semester 1 / Tahun 1
NILAI KREDIT	3
PRASYARAT (JIKA BERKENAAN)	Tiada

## SINOPSIS

*Introduction to Makeup* memberi pengetahuan dan kemahiran secara teori dan amali (*hands on*) mengenai asas solekan mengikut kaedah yang bersesuaian berdasarkan struktur muka yang dipelajari. Kursus ini ditawarkan dalam semester pertama bagi membina asas solekan dalam bidang ini dan membolehkan pelajar mempraktikkan dalam kursus seterusnya.

## HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK) / COURSE LEARNING OUTCOME (CLO)

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

HPK1 : Memindahkan hasil lakaran *face chart* kepada muka pelanggan ( A2 , HPP 5 )

HPK2 : Menghasilkan semula teknik manatarias mengikut struktur muka dan karekter pelanggan ( P3 , HPP 3 )

HPK3 : Mempamerkan solekan berdasarkan trend terkini ( P4 , HPP 3 )

# INFORMASI KURSUS TERAS DISIPLIN

NAMA KURSUS	<i>INTRODUCTION TO SPA CONCEPT</i>
KOD KURSUS	STK10053
SEMESTER DAN TAHUN DITAWARKAN	Semester 1 / Tahun 1
NILAI KREDIT	3
PRASYARAT (JIKA BERKENAAN)	Tiada

## SINOPSIS

*Introduction to Spa Concept* memberi penekanan kepada pelajar agar lebih memahami jenis-jenis operasi perkhidmatan spa. Selain itu juga, pelajar akan didedahkan dengan asas keusahawanan bagi penubuhan sesebuah spa.

## HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK) / COURSE LEARNING OUTCOME (CLO)

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

HPK1 : Mengklasifikasikan jenis-jenis perkhidmatan spa secara terperinci dalam operasi perkhidmatan spa( C2 , HPP 1 )

HPK2 : Mengamalkan asas keusahawanan dalam model perniagaan perkhidmatan spa ( A2 , HPP 7 )

HPK3 : Membentangkan bahan promosi atas talian secara berkumpulan ( A2 , HPP 6 )

# INFORMASI KURSUS TERAS DISIPLIN

NAMA KURSUS	ANATOMY AND PHYSIOLOGY
KOD KURSUS	STK20062
SEMESTER DAN TAHUN DITAWARKAN	Semester 2 / Tahun 1
NILAI KREDIT	3
PRASYARAT (JIKA BERKENAAN)	Tiada

## SINOPSIS

*Anatomy and Physiology* memberi pendedahan kepada pelajar tentang sistem organ dalam badan manusia. Kursus ini memberi pendedahan tentang pelbagai organ yang membentuk setiap sistem dan fungsi organ tersebut. Kefahaman mengenai anatomi dan fisiologi akan membentuk asas pengetahuan pelajar mengenai struktur badan dan fungsinya dalam melakukan rawatan.

## HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK) / COURSE LEARNING OUTCOME (CLO)

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

HPK1: Mengenal pasti asas anatomi dan fisiologi dalam tubuh badan manusia(C2, HPP1)

HPK2: Mengaitkan pengetahuan anatomi dan fisiologi dalam setiap rawatan berkaitan(C3, HPP2)

HPK3: Mengamalkan persediaan diri juruterapi kecantikan dan spa sebelum melakukan rawatan berkaitan anatomi dan fisiologi(A2, HPP5)

# INFORMASI KURSUS TERAS DISIPLIN

NAMA KURSUS	<i>BEAUTY TREATMENT</i>
KOD KURSUS	STK20073
SEMESTER DAN TAHUN DITAWARKAN	Semester 2 / Tahun 1
NILAI KREDIT	3
PRASYARAT (JIKA BERKENAAN)	Tiada

## SINOPSIS

*Beauty Treatment* bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kefahaman pelajar tentang terapi kulit muka, kontur mata serta penghasilan masker alami agar pelajar dapat mengamal dan mempraktikkan kemahiran tersebut dalam rawatan kulit muka. Kursus ini ditawarkan sebagai pengenalan bagi membina asas kukuh dalam rawatan kulit muka.

## HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK) / COURSE LEARNING OUTCOME (CLO)

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

HPK1 : Membincangkan punca dan masalah kulit muka yang utama bagi menentukan kontraindikasi rawatan penjagaan kulit muka ( C2 , HPP 1 )

HPK2 : Mengaplikasi pengiraan dalam penghasilan produk alami penjagaan kulit muka ( C3 , HPP 4 )

HPK3 : Menghasilkan semula rawatan muka mengikut prosedur dan teknik yang betul ( P3 , HPP 3 )

# INFORMASI KURSUS TERAS DISIPLIN

NAMA KURSUS	<i>MANICURE AND PEDICURE TREATMENT</i>
KOD KURSUS	STK20083
SEMESTER DAN TAHUN DITAWARKAN	Semester 2 / Tahun 1
NILAI KREDIT	3
PRASYARAT (JIKA BERKENAAN)	Tiada

## SINOPSIS

*Manicure and Pedicure Treatment* ini memberi pengetahuan dan kemahiran secara teori dan amali (hands on) mengenai rawatan spa tangan dan spa kaki mengikut prosedur yang betul. Pelajar didedahkan kepada kemahiran pelbagai disiplin agar mereka kompeten dalam penggunaan peralatan yang digunakan serta rawatan bagi perkhidmatan penjagaan tangan dan kaki.

## HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK) / COURSE LEARNING OUTCOME (CLO)

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

HPK1 : Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran untuk menyelesaikan masalah dalam perkhidmatan *manicure and pedicure treatment* ( C3 , HPP 2 )

HPK2 : Mempamerkan sesi rundingan *manicure and pedicure treatment* menggunakan aplikasi digital ( P4 , HPP 3 )

HPK3 : Melaksanakan khidmat *manicure and pedicure treatment* bagi pelanggan ( A2 , HPP 7 )

# INFORMASI KURSUS TERAS DISIPLIN

NAMA KURSUS	BASIC MAKEUP
KOD KURSUS	STK20093
SEMESTER DAN TAHUN DITAWARKAN	Semester 2 / Tahun 1
NILAI KREDIT	3
PRASYARAT (JIKA BERKENAAN)	Tiada

## SINOPSIS

*Basic Makeup* menyediakan pelajar dengan pengetahuan asas mengenai jenis – jenis solekan seperti Solekan Siang, Solekan Malam dan Solekan Pengantin. Kursus ini membolehkan pelajar mempamerkan hasil Basic Makeup yang bersesuaian mengikut tema yang diberikan. Seterusnya pelajar dapat menggunakan teknik solekan berdasarkan etika profesional seorang juruterapi kecantikan dan spa dalam melaksanakan prosedur kerja yang berkesan.

## HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK) / COURSE LEARNING OUTCOME (CLO)

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

HPK1 : Mengaplikasi teknik asas solekan berdasarkan kepelbagaiannya temanya ( C3 , HPP 2 )

HPK2 : Menghasilkan semula solekan temanya yang ditetapkan mengikut kreativiti. ( P3 , HPP 3 )

HPK3 : Menunjukkan cara etika profesional semasa penghasilan teknik solekan mengikut trend terkini ( A3 , HPP 8 )

# INFORMASI KURSUS TERAS DISIPLIN

NAMA KURSUS	SWEDISH MASSAGE
KOD KURSUS	STK20103
SEMESTER DAN TAHUN DITAWARKAN	Semester 2 / Tahun 1
NILAI KREDIT	3
PRASYARAT (JIKA BERKENAAN)	Tiada

## SINOPSIS

*Swedish Massage* memberi pengetahuan dan kemahiran secara teori dan amali (hands on) mengenai *Swedish Massage* melalui teknik 5 *classical movement*. Kursus ini membolehkan pelajar melaksanakan urutan berdasarkan etika profesional seorang juruterapi kecantikan dan spa dalam melaksanakan prosedur kerja mengikut industri masa kini.

## HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK) / COURSE LEARNING OUTCOME (CLO)

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

HPK1 : Mempamerkan penggunaan digital bagi merekod maklumat pelanggan (P2, HPP3)

HPK2 : Menghasilkan semula *Swedish Massage* kepada pelanggan berdasarkan 5 *classical movement* ( P3, HPP3)

HPK3 : Melaksanakan *Swedish Massage* kepada pelanggan mengikut etika juruterapi kecantikan dan spa (A2, HPP8)

# INFORMASI KURSUS TERAS DISIPLIN

NAMA KURSUS	FACIAL TREATMENT
KOD KURSUS	STK30113
SEMESTER DAN TAHUN DITAWARKAN	Semester 3 / Tahun 2
NILAI KREDIT	3
PRASYARAT (JIKA BERKENAAN)	Tiada

## SINOPSIS

*Facial Treatment* bertujuan untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan asas mengenai jenis – jenis mesin rawatan kulit muka seperti *High Frequency Machine*, *Ultrasonic Machine* dan *Scrubber Machine*. Kursus ini ditawarkan bagi membolehkan pelajar mempamerkan langkah rawatan yang berkesan mengikut permasalahan kulit muka pelanggan. Seterusnya membolehkan pelajar mengaplikasikan langkah – langkah rawatan berdasarkan etika profesional seorang juruterapi kecantikan dan spa dalam melaksanakan prosedur kerja yang berkesan.

## HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK) / COURSE LEARNING OUTCOME (CLO)

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

HPK1 : Mengenal pasti jenis mesin bagi rawatan *Facial Treatment* ( C2 , HPP 1 )

HPK2 : Menghasilkan rawatan *Facial Treatment* menggunakan mesin ( P3 , HPP 3 )

HPK3 : Menunjukkan etika profesional Juruterapi kecantikan dan spa ketika pengendalian *Facial Treatment Machine* ( A3 , HPP 8 )

# INFORMASI KURSUS TERAS DISIPLIN

NAMA KURSUS	ADVANCE MAKEUP
KOD KURSUS	STK30123
SEMESTER DAN TAHUN DITAWARKAN	Semester 3 / Tahun 2
NILAI KREDIT	3
PRASYARAT (JIKA BERKENAAN)	Tiada

## SINOPSIS

*Advance Makeup* menyediakan pelajar dengan pengetahuan asas mengenai jenis – jenis solekan seperti *Face Art* dan Solekan Kesan Khas. Ia juga membolehkan pelajar mempamerkan hasil Solekan Kesan Khas yang bersesuaian mengikut tema yang diberikan. Ini seterusnya membolehkan pelajar menggunakan teknik solekan berdasarkan kehendak industri yang merangkumi etika professional seorang juruterapi dalam melaksanakan prosedur kerja yang berkesan.

## HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK) / COURSE LEARNING OUTCOME (CLO)

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

HPK1 : Menunjukkan pengetahuan asas tentang *Advance Makeup* ( P2 , HPP 3 )

HPK2 : Mempamerkan teknik *Advance Makeup* dengan mengikut langkah kerja yang telah ditetapkan ( P4 , HPP 3 )

HPK3 : Mengatur kesesuaian tema dan kreativiti *Advance Makeup* kepada pelanggan ( A4 , HPP 6 )

# **INFORMASI KURSUS TERAS DISIPLIN**

NAMA KURSUS	WAXING
KOD KURSUS	STK30133
SEMESTER DAN TAHUN DITAWARKAN	Semester 3 / Tahun 2
NILAI KREDIT	4
PRASYARAT (JIKA BERKENAAN)	Tiada

## **SINOPSIS**

*Waxing* mendedahkan kepada pelajar mengenai pengetahuan dan kemahiran secara teori dan amali (*hands on*) mengenai *Hot Waxing* dan *Warm Waxing* supaya pelajar dapat mempraktikkan kemahiran tersebut bagi memenuhi kehendak pelanggan. Ianya merangkumi pengenalan kepada bahan, peralatan, prosedur langkah kerja serta etika kebersihan dan keselamatan untuk menjadi seorang juruterapi kecantikan dan spa.

## **HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK) / COURSE LEARNING OUTCOME (CLO)**

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

HPK1 : Mengaplikasikan teori rawatan dalam proses *Waxing* ( C3 , HPP 1 )

HPK2 : Mempraktikkan rawatan *Waxing* menggunakan *Hot Waxing* dan *Warm Waxing* mengikut kesesuaian di bahagian badan ( P3 , HPP 3 )

HPK3 : Menunjukkan cara penghasilan produk menggunakan bahan alami bagi rawatan *Waxing* ( A3 , HPP 6 )

# INFORMASI KURSUS TERAS DISIPLIN

NAMA KURSUS	BODY THERAPY
KOD KURSUS	STK30143
SEMESTER DAN TAHUN DITAWARKAN	Semester 3 / Tahun 2
NILAI KREDIT	3
PRASYARAT (JIKA BERKENAAN)	Tiada

## SINOPSIS

*Body Therapy* merupakan ilmu dan kemahiran mengenai rawatan badan mengikut prosedur yang betul dari segi teori dan amali (*hands on*). Ia merangkumi proses pemeriksaan kontra indikasi dan rawatan terapi badan serta pendedahan kepada etika kebersihan dan keselamatan ketika melaksanakan rawatan.

## HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK) / COURSE LEARNING OUTCOME (CLO)

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

HPK1 : Mengaplikasi pengiraan dalam penghasilan produk alami bagi *Body Terapy* ( C2 , HPP 4 )

HPK2 : Mempamerkan proses kerja *Body Therapy* mengikut standard *Operating Procedure Industry Spa* ( P4 , HPP 3 )

HPK3 : Melaksanakan perniagaan perkhidmatan *Body Therapy* kepada komuniti setempat ( A4 , HPP 7 )

# INFORMASI KURSUS TERAS DISIPLIN

NAMA KURSUS	URUTAN MALAYSIA
KOD KURSUS	STK30153
SEMESTER DAN TAHUN DITAWARKAN	Semester 3 / Tahun 2
NILAI KREDIT	3
PRASYARAT (JIKA BERKENAAN)	Tiada

## SINOPSIS

Urutan Malaysia menerangkan kepentingan pelaksanaan dalam menjaga kesejahteraan tubuh badan. Selain daripada itu, pelajar didedahkan dengan bahan dan peralatan yang digunakan serta fungsinya. Pelajar akan mengetahui kontra indikasi sebelum melaksanakan urutan tersebut. Seterusnya, pelajar juga akan didedahkan dengan teknik dan prosedur yang perlu dituruti dalam melaksanakan urutan ini.

## HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK) / COURSE LEARNING OUTCOME (CLO)

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

HPK1 : Menunjukkan semula Urutan Malaysia berdasarkan langkah kerja yang telah ditetapkan ( P2 , HPP 3 )

HPK2 : Melaksanakan Urutan Malaysia kepada pelanggan dengan tertib dan selamat ( P4 , HPP 3 )

HPK3 : Melaksanakan perniagaan perkhidmatan Urutan Malaysia kepada komuniti setempat ( A2 , HPP 7 )

# **INFORMASI KURSUS LATIHAN INDUSTRI**

NAMA KURSUS	LATIHAN INDUSTRI
KOD KURSUS	SUT40038
SEMESTER DAN TAHUN DITAWARKAN	Semester 4 / Tahun 2
NILAI KREDIT	8
PRASYARAT (JIKA BERKENAAN)	Memenuhi syarat kelayakan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Latihan Industri Kolej Komuniti yang sedang berkuatkuasa.

## **SINOPSIS**

LATIHAN INDUSTRI memberi pendedahan kepada pelajar untuk mengamalkan kemahiran dan pengetahuan yang dipelajari dalam persekitaran kerja sebenar.

## **HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK) / COURSE LEARNING OUTCOME (CLO)**

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

- HPK1 : Menunjukkan kemahiran yang telah dipelajari mengikut keperluan tugas di tempat kerja (P2, CLS 3a)
- HPK 2 : Mengamalkan komunikasi berkesan dan kemahiran sosial di tempat kerja (A2, CLS 3b)
- HPK 3 : Mengamalkan pembelajaran berterusan dan minda keusahawanan di tempat kerja (A2, CLS 4)
- HPK 4 : Mengamalkan kerja berpasukan dan sikap tanggungjawab di tempat kerja (A2, CLS 3d)
- HPK 5 : Mematuhi nilai etika dan profesionalisme dengan berkesan di tempat kerja

# KEJAYAAN PELAJAR



## INTERNATIONAL BEAUTY EXPO (IBE) KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE

TARIKH : 12/8/2022  
MASA : 10.00 PAGI HINGGA 5.00 PETANG  
TEMPAT : KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE (KLCC)  
PENCAPAIAN : TEMPAT PERTAMA DAN KEDUA

# AKTIVITI PELAJAR



LAWATAN SPA UNIT TERAPI KECANTIKAN DAN SPA

TARIKH : 18 OKTOBER 2022

MASA : 7.00 PAGI HINGGA 5.00 PETANG

TEMPAT : TERATAK SPA, PULAU PINANG

# AKTIVITI PELAJAR



## PAMERAN PENGANTIN JOM NIKAH AEON KINTA CITY

TARIKH : 25/9/2022

MASA : 10.00 PAGI HINGGA 5.00 PETANG

TEMPAT : AEON KINTA CITY IPOH PERAK)

PENCAPAIAN : TEMPAT PERTAMA, KEDUA DAN KETIGA

# AKTIVITI PELAJAR



**International Fesyen Week(IIFW) yang berlangsung di Casuarina Meru dan Bandaraya Ipoh. (ORGANIZER MAKEUP ARTIST)**

**TARIKH : 21-23/10/2022**  
**MASA : 12.00 TGH HINGGA 8.00 PETANG**  
**TEMPAT : CASUARINA MERU**  
**PENCAPAIAN : MAKEUP ARTIST**

# AKTIVITI PELAJAR



## HARI TERBUKA SPA (PROJEK PELAJAR)

**TARIKH : 26/11/2022**  
**MASA : 12.00 TGH HINGGA 5 PETANG**  
**TEMPAT : STK KKKG**  
**PENCAPAIAN : TERCAPAI**

# AKTIVITI PELAJAR



## IPAMERAN PENGANTIN JOM NIKAH STATION 18, IPOH

TARIKH : 25/9/2022

MASA : 10.00 PAGI HINGGA 5.00 PETANG

TEMPAT : AEON STATION 18 IPOH PERAK

PENCAPAIAN : TEMPAT KE-2

# AKTIVITI PELAJAR



## IHARI TERBUKA BELIA (PERTANDINGAN SOLEKAN)

TARIKH : 15/10/2022

MASA : 10 PG HINGGA 5 PETANG

TEMPAT : MASJID BATU GAJAH

PENCAPAIAN : TEMPAT KE-3

# AKTIVITI PELAJAR



## PERTANDINGAN WORLD SKILLS TAHUN 2022

**TARIKH : 28/5/2022**  
**MASA : 12.00 TGH HINGGA 8.00 PETANG**  
**TEMPAT : IKBN KEMASIK TERENGGANU**  
**PENCAPAIAN : PRA KELAYAKKAN**

# AKTIVITI PELAJAR



## TRAINING (MYCCKILLS) TAHUN 2022

**TARIKH** : 01/11/2022  
**MASA** : 08.00 PG HINGGA 5.00 PETANG  
**TEMPAT** : KK BAYAN BARU  
**PENCAPAIAN** : LATIHAN

# AKTIVITI PELAJAR



**Program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara KPT CAP-Digital Entrepreneurship Booster 2022**

**TARIKH : 16/10/2022**  
**MASA : 08.00 PAGI HINGGA 5.00 PETANG**  
**TEMPAT : MH Hotel Ipoh**  
**PENCAPAIAN : JOHAN ANUGERAH LIVE TIKTOK TERBAIK POLYCC NEGERI PERAK**

# AKTIVITI PELAJAR



Pertandingan Solekan di International Beauty Exhibition (IBE) dalam Kategori Malay Creative Bridal dan Special Effect.

TARIKH : MEI 2023

PENCAPAIAN : TEMPAT KE-3 DALAM KATEGORI MALAY CREATIVE BRIDAL.

# LAIN-LAIN AKTIVITI



Latihan  
Kebakaran



Program Twist



Modelling



Persembahan Muzik

# **PENGHARGAAN**

## **Sekalung Penghargaan & Setinggi-tinggi Tahniah**

Kepada Semua Kakitangan dan Warga Kolej Komuniti Batu Gajah dalam mengusahakan buku Panduan Pelajar ini sehingga ianya dapat diterbitkan dengan begitu menarik sekali dan memberi input serta informasi yang amat berguna bukan sahaja kepada para pelajar malahan juga kepada komuniti dan masyarakat yang memerlukan maklumat yang berkaitan didalam bidang TVET secara amnya.

**Sekian, Terima Kasih**

